



## **JABATAN AGAMA ISLAM WILAYAH PERSEKUTUAN**

### **TEKS KHUTBAH**

**Tajuk :**

**PEKERJA AMANAH ASPIRASI NEGARA**

**Tarikh Dibaca :**

**27 SYAABAN 1440H/  
3 MEI 2019M**

**Disediakan oleh :**

**Cawangan Khutbah Dan Latihan  
Bahagian Pengurusan Masjid  
Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan**

**PEKERJA AMANAH ASPIRASI NEGARA***Hari Pekerja 2019*

3 Mei 2019M/ 27 Syaaban 1440H

إِنَّ الْحَمْدَ لِلَّهِ، نَحْمَدُهُ وَنَسْتَعِينُهُ وَنَسْتَغْفِرُهُ وَنَتُوبُ إِلَيْهِ، وَنَعُوذُ بِاللَّهِ مِنْ شُرُورِ أَنْفُسِنَا وَسَيِّئَاتِ  
 أَعْمَالِنَا، مَنْ يَهْدِ اللَّهُ فَهُوَ الْمُهْتَدِ وَمَنْ يُضِلِّ فَلَنْ تَجِدَ لَهُ وَلِيًّا مُرْشِدًا.  
 أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ، اللَّهُمَّ صَلِّ  
 وَسَلِّمْ عَلَى نَبِيِّنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَمَنْ دَعَا بِدَعْوَتِهِ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.  
 أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ، أَوْصِيكُمْ وَنَفْسِي بِتَقْوَى اللَّهِ وَطَاعَتِهِ لَعَلَّكُمْ تُفْلِحُونَ.

قَالَ تَعَالَى: أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

قَالَتْ إِحْدَاهُمَا يَا أَبَتِ اسْتَجِرْهُ <sup>ط</sup> إِنَّ خَيْرَ مَنِ اسْتَجَرْتَ الْقَوِيُّ الْأَمِينُ ﴿٢٦﴾

**Sidang Jemaah yang dirahmati Allah,**

Pada hari yang mulia ini, khatib menyeru kepada seluruh kaum muslimin supaya kita bertaqwa kepada Allah SWT dengan melaksanakan segala suruhan-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya. Mudah-mudahan kita semua dibangkitkan dalam kalangan orang yang memperolehi kejayaan di akhirat kelak.

Tarikh 1 Mei setiap tahun telah dipilih bagi memperingati jasa para pekerja. Justeru itu, tajuk khutbah pada hari ini ialah, “**Pekerja Amanah Aspirasi Negara**”.

**Sidang Jemaah yang berbahagia,**



Pekerja cemerlang adalah modal insan yang akan menentukan kejayaan kepada apa jua sektor pekerjaan. Semua anggota masyarakat merupakan pekerja dalam skop dan bidang masing-masing sama ada dalam sektor perkhidmatan awam, swasta, perniagaan dan perusahaan. Pekerjaan adalah satu tuntutan Islam sebagai jalan mendapatkan nafkah untuk menyara keluarga. Sesungguhnya Islam amat menitikberatkan aspek kebolehan, kepakaran, kekuatan fizikal dan mental serta integriti dalam pekerjaan. Perkara ini jelas menerusi firman Allah SWT dalam surah al-Qasas, ayat 26 yang bermaksud:

*“Salah seorang di antara perempuan yang berdua itu berkata: “Wahai ayah, ambillah dia menjadi orang upahan (menggembala kambing kita) sesungguhnya sebaik-baik orang yang ayah ambil bekerja ialah orang yang kuat lagi amanah.”*

Menurut al-Maraghi, kedua-dua sifat ini iaitu kepercayaan dan kekuatan, jika ada pada setiap pekerja, maka dia akan mendapat keuntungan dan keberhasilan. Sifat al-qawiy adalah kompetensi seseorang pekerja yang mencakupi bakat, kemahiran, kecekapan dan ketelitiannya. Manakala sifat al-amin pula adalah integriti seseorang pekerja yang mencakupi ketelusan, kejujuran dan rasa bertanggungjawab yang tinggi dalam dirinya.

### **Sidang jemaah yang dirahmati Allah,**

Pada masa kini, kita sering dikhabarkan dengan gejala salah laku dalam pekerjaan, berleluasanya rasuah dan berbagai lagi isu yang menunjukkan kejatuhan nilai integriti dalam sektor perkerjaan. Ini sangat membimbangkan kita kerana meski pun seseorang pekerja itu mempunyai kompetensi dan kelayakan, ianya belum mencukupi untuk memperkukuh integriti.



Persoalannya, bagaimana untuk kita menjadi pekerja yang beramanah?

**Pertama: Luruskan niat ketika melaksanakan pekerjaan.** Niat untuk meraih keredaan Allah SWT supaya kita akan dipelihara dan dibimbing ke arah kebaikan dan dijauhkan daripada kerosakan moral dan integriti.

**Kedua: Tingkatkan iman kepada Allah SWT.** Iman dan keyakinan kepada Allah SWT adalah asas kepada tumbuhnya sifat amanah dalam diri seseorang. Ini kerana hakikat iman itu ialah seseorang berusaha mendekatkan diri dengan Tuhannya. Justeru itu, amanah sering dikaitkan dengan iman dan begitulah sebaliknya. Imam Ahmad telah meriwayatkan daripada Anas bin Malik RA, bahawa Rasulullah SAW pernah bersabda:

لَا إِيمَانَ لِمَنْ لَا أَمَانَةَ لَهُ وَلَا دِينَ لِمَنْ لَا عَهْدَ لَهُ

Bermaksud: “*Tidak (sempurna) iman bagi orang yang tidak amanah, dan tidak (sempurna) agama bagi orang yang tidak menunaikan janji.*”

**Ketiga: Tunaikan hak kepada yang berhak, sentiasa berlaku adil dan menjaga diri daripada membuat sebarang kezaliman serta penganiayaan.**

Firman Allah SWT menerusi surah al-Nisa', ayat 58:

إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُكُمْ أَنْ تُؤَدُّوا الْأَمَانَاتِ إِلَىٰ أَهْلِهَا وَإِذَا حَكَمْتُمْ بَيْنَ النَّاسِ أَنْ تَحْكُمُوا بِالْعَدْلِ إِنَّ اللَّهَ نِعِمَّا يَعِظُكُمْ بِهِ إِنَّ اللَّهَ كَانَ سَمِيعًا بَصِيرًا

Bermaksud: “*Sesungguhnya Allah menyuruh kamu supaya menyerahkan segala jenis amanah kepada ahlinya (yang berhak menerimanya), dan apabila kamu menjalankan hukum di antara manusia, (Allah menyuruh) kamu menghukum dengan adil. Sesungguhnya Allah dengan (suruhan-Nya) itu*



*memberi pengajaran yang sebaik-baiknya kepada kamu. Sesungguhnya Allah sentiasa Mendengar, lagi sentiasa Melihat.”*

**Keempat: Sentiasa bermuhasabah, berusaha memperbaiki diri dan melakukan islah dalam kalangan masyarakat.** Selain berkerja untuk mendapatkan nafkah dan keperluan hidup, umat Islam juga disuruh supaya memberi perhatian kepada pembangunan diri dan masyarakat. Sebagai insan yang tidak lepas daripada sebarang kekurangan, kita disarankan supaya sentiasa menambah ilmu untuk memperbaiki diri dan menggunakan sumber yang ada untuk turut menyumbang dalam membina masyarakat yang lebih baik.

#### **Muslimin yang dirahmati Allah sekalian,**

Islam adalah agama yang menganjurkan supaya umatnya berkerja dan berusaha untuk mendapatkan kebaikan di dunia dan juga di akhirat. Justeru itu, sifat malas, sambil lewa, curi tulang dan seumpamanya bukanlah daripada ajaran Islam. Malah dalam hal ini, *sunnatullah* yang ditentukan adalah siapa yang berusaha maka dialah yang akan berjaya. Imam Muslim RH telah meriwayatkan hadith daripada Anas bin Malik RA, bahawa Rasulullah SAW telah bersabda:

إِنَّ الْكَافِرَ إِذَا عَمِلَ حَسَنَةً أُطِعِمَ بِهَا طُعْمَةً مِنَ الدُّنْيَا وَأَمَّا الْمُؤْمِنُ فَإِنَّ اللَّهَ يَدْخِرُ لَهُ حَسَنَاتِهِ فِي الْآخِرَةِ وَيُعْقِبُهُ رِزْقًا فِي الدُّنْيَا عَلَى طَاعَتِهِ.

Bermaksud: “Sesungguhnya seorang kafir apabila dia melakukan suatu pekerjaan yang baik, dia akan diberi makan (hasil) dengannya suatu makanan daripada dunia. Manakala bagi seseorang mukmin, sesungguhnya Allah telah



*menyimpan baginya kebaikan di akhirat dan disusulkan kepadanya rezeki di dunia kerana ketaatannya.”*

Berdasarkan hadith ini, Allah SWT tidak akan berlaku zalim terhadap hamba-hamba-Nya di atas dunia sekali pun hamba itu kufur kepada-Nya. Sekiranya seseorang berusaha dan bersungguh-sungguh melakukan sesuatu pekerjaan di dunia ini, Allah SWT akan memberikan hasil yang bersesuaian dengan usahanya. Inilah rahmat daripada Allah SWT. Hadith ini juga adalah galakan bagi orang yang beriman supaya rajin berkerja dan tekun berusaha kerana habuan yang bakal mereka perolehi adalah di dunia dan di akhirat.

### **Sidang hadirin yang dikasihi sekalian,**

Ramadan akan tiba beberapa hari lagi. Pasti, ibadah puasa yang difardukan di bulan ini adalah untuk mengukuhkan nilai takwa dalam diri setiap orang yang beriman. Orang yang bertakwa adalah mereka yang amanah dalam setiap perkara dan pekerjaan. Semestinya tarbiah di bulan ramadan ini menjadi jalan terbaik bukan sahaja dalam urusan ibadah malah terhadap tanggungjawab dan amanah yang kita pikul sebagai pekerja dalam setiap sektor yang diceburi. Marilah kita bulatkan azam untuk lebih tekun bekerja di bulan Ramadan dan tidak menjadikan keletihan puasa sebagai alasan kurangnya motivasi untuk bekerja kerana ganjaran yang akan kita peroleh sangat besar daripada Allah SWT.

Mengakhiri khutbah pada hari ini, berikut adalah kesimpulan yang dapat diambil untuk sama-sama kita manfaatkan:

**Pertama:** Perkerja yang berjaya perlulah mempunyai sifat al-qawiy iaitu kompetensi dan al-amin iaitu integriti.



**Kedua:** Sifat amanah perlu diterapkan kepada setiap warganegara dan para pekerja bagi mengelakkan ancaman kerugian serta kemunduran kepada agama dan negara.

**Ketiga:** Seorang mukmin yang melakukan suatu pekerjaan yang baik akan mendapat hasil usahanya di dunia dan beroleh ganjaran daripada Allah SWT di akhirat kelak.

Akhirnya, marilah sama-sama kita selami dan hayati firman Allah SWT dalam surah al-Nahl, ayat 97:

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

مَنْ عَمِلَ صَالِحًا مِّنْ ذَكَرٍ أَوْ أُنْثَىٰ وَهُوَ مُؤْمِنٌ فَلَنُحْيِيَنَّهٗ حَيٰوةً طَيِّبَةً وَلَنَجْزِيَنَّهُمْ أَجْرَهُمْ بِأَحْسَنِ مَا كَانُوا يَعْمَلُونَ ﴿٩٧﴾

Bermaksud : “Sesiapa yang beramal soleh, dari lelaki atau perempuan, sedang dia beriman, maka sesungguhnya Kami akan menghidupkan dia dengan kehidupan yang baik, dan sesungguhnya Kami akan membalas mereka, dengan memberikan pahala yang lebih dari apa yang mereka telah kerjakan.”

بَارِكْ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ، وَتَقَبَّلْ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتُهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِجَمِيعِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ فَاسْتَغْفِرُوهُ فَيَا فَوْزَ الْمُسْتَغْفِرِينَ وَيَا نَجَاةَ التَّائِبِينَ.



## KHUTBAH KEDUA

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَلِيِّ الصَّالِحِينَ وَنَاصِرِ الْمَظْلُومِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى النَّبِيِّ الْأَمِينِ، صَفْوَةِ الْمُرْسَلِينَ وَإِمَامِ الْمُتَّقِينَ، وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ الطَّاهِرِينَ، وَعَلَى التَّابِعِينَ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، الْمَلِكُ الْحَقُّ الْمُبِينُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ، الصَّادِقُ الْوَعْدُ الْأَمِينُ.

أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تَقْوَاهُ، وَحَافِظُوا عَلَى صَلَاةِ الْجَمَاعَةِ، وَكُونُوا إِخْوَانًا مُتَحَابِّينَ فِي اللَّهِ. وَاعْلَمُوا أَنَّ اللَّهَ سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى أَمْرُهُ بِأَمْرٍ بَدَأَ فِيهِ بِنَفْسِهِ، وَثَبَّتْ بِمَلَائِكَتِهِ الْمُسَبِّحَةَ بِقُدْسِهِ، فَقَالَ اللَّهُ تَعَالَى فِي مُحْكَمِ تَنْزِيلِهِ:

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا ﴿٥٦﴾  
اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ كَمَا صَلَّيْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ كَمَا بَارَكْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ فِي الْعَالَمِينَ إِنَّكَ حَمِيدٌ مُجِيدٌ.

وَارْضَ اللَّهُمَّ عَنِ الْخُلَفَاءِ الرَّاشِدِينَ الْمُهَدِّينَ: أَبِي بَكْرٍ وَعُمَرَ وَعُثْمَانَ وَعَلِيٍّ، وَارْضَ اللَّهُمَّ عَنِ سَائِرِ الصَّحَابَةِ أَجْمَعِينَ، وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ وَارْضَ عَنَّا مَعَهُمْ بِمَنِّكَ وَكَرَمِكَ وَإِحْسَانِكَ يَا أَكْرَمَ الْأَكْرَمِينَ.

اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ.





اللَّهُمَّ أَيْدٍ بِدَوَامِ التَّوْفِيقِ وَالْهُدَايَةِ وَالصِّحَّةِ وَالسَّلَامَةِ مَلِكْنَا كَبَاوَهُ دُوْلِي يَغْ مَهَا مُوْلِيَا  
سري فدوك بكنيدا يَغْ دقرتوان اكوغ، السلطان عبد الله رعاية الدين المصطفى بالله  
شاه ابن سلطان حاج أحمد شاه المستعين بالله.

وَكَذَلِكَ كَبَاوَهُ دُوْلِي يَغْ مَهَا مُوْلِيَا سري فدوك بكنيدا راج فرمايسوري اكوغ،  
تونكو (Tunku) حاهه عزيزة امينة ميمونة إسكندرية بنت المرحوم المتوكل على الله  
سلطان إسكندر الحاج.

اللَّهُمَّ احْفَظْ عُلَمَاءَهُ وَوُزَرَائِهِ وَقَضَاتِهِ وَعُمَّالَهُ وَرَعَايَاهُ مِنَ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ  
وَالْمُؤْمِنَاتِ بِرَحْمَتِكَ يَا أَرْحَمَ الرَّاحِمِينَ .

اللَّهُمَّ اجْعَلْ بَلَدَنَا مَالِيزِيَا آمِنًا مُطْمَئِنًّا، سَخَاءً رَخَاءً، دَارَ عَدْلِ وَإِيمَانٍ، وَأَمْنٍ وَأَمَانٍ،  
وَسَائِرِ بِلَادِ الْمُسْلِمِينَ .

اللَّهُمَّ أَعِزِّ الْإِسْلَامَ وَالْمُسْلِمِينَ فِي كُلِّ مَكَانٍ وَحِينٍ، وَاَنْصُرْ مَنْ نَصَرَ الدِّينَ، وَاخْذُلْ مَنْ  
خَذَلَ الْمُسْلِمِينَ، وَأَعْلِ كَلِمَتَكَ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ، وَدَمِّرْ أَعْدَاءَكَ أَعْدَاءَ الدِّينِ .

اللَّهُمَّ أَلْفَ بَيْنَ قُلُوبِنَا، وَأَصْلِحْ ذَاتَ بَيْنِنَا، وَاهْدِنَا سُبُلَ السَّلَامِ، وَنَجِّنَا مِنَ الظُّلُمَاتِ إِلَى  
النُّورِ، وَجَنِّبْنَا الْفَوَاحِشَ مَا ظَهَرَ مِنْهَا وَمَا بَطَّنَ، وَبَارِكْ لَنَا فِي أَسْمَاعِنَا، وَأَبْصَارِنَا، وَقُلُوبِنَا،  
وَأَرْوَاجِنَا، وَذُرِّيَّاتِنَا، وَتُبْ عَلَيْنَا إِنَّكَ أَنْتَ التَّوَّابُ الرَّحِيمُ، وَاجْعَلْنَا شَاكِرِينَ لِنِعْمِكَ،  
مُشِينَ بِهَا عَلَيْكَ، قَابِلِينَ لَهَا وَأَتَمِّهَا عَلَيْنَا. رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا  
عَذَابَ النَّارِ.

عِبَادَ اللَّهِ،



إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَايَ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ

وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ ﴿٩٠﴾

فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ، وَاشْكُرُوا لَهُ عَلَىٰ نِعَمِهِ يَزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ وَلَذِكْرُ  
اللَّهِ أَكْبَرُ، وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.